

# **ORANG ASLI KAMPUNG BERING**

## **PERTAHAN HAK, TANAH ADAT**



Keindahan Kampung Bering di Pos Pasik, Gua Musang tidak dapat dinafikan.

Foto Bernama

WARTAWAN Bernama Soon Li Wei, Wan Muhammad Aslah Wan Razali dan Muhammad Mikhail Mohazar baru-baru ini melakukan ekspedisi ke Kampung Kaloi dan Kampung Bering, Gua Musang, Kelantan untuk meninjau kehidupan masyarakat Orang Asli Temiar serta mengupas isu kesan pembangunan dan pembalakan terhadap penempatan mereka.

Ekspedisi yang turut disertai jurukamera Shahrizan Jefri Aziz dan ‘pilot darat’ Ahmad Syukor Muhamad Zilmin ini dilakukan dengan kerjasama Persatuan Aktivis Sahabat Alam (KUASA).

Projek yang mendapat tajaan geran mikro daripada Cent-GPS Malaysia dan Kedutaan Amerika Syarikat ke Malaysia itu berlangsung dari 11 hingga 16 Jun lepas. Ini bahagian akhir daripada rencana dua siri.

GUA MUSANG - "Cak! (Makan!)" sapa Along Itam, 73, kepada kami dalam bahasa Temiar ketika menjamu kami dengan sarapan di kediamannya pada hari terakhir kunjungan kami ke Kampung Bering, Pos Pasik.

Kami berada di kampung itu selama tiga hari bermula 12 Jun 2022.

Beliau yang memakai topi tradisi suku kaum Temiar yang diperbuat daripada daun palas terus mencapai jagung yang sudah dikukus. Ia antara hasil tuaian daripada Kebun Mandiri Orang Asli (#kebunmandiriOA) bersama Persatuan Aktivis Sahabat Alam (KUASA) yang diusahakan sejak Mac 2022. "Belej! (sedap)," sambil tersenyum, Along mempelawa kami untuk makan jagung itu. Di samping itu ada nasi goreng dan teh panas.

"Nanti ikut pak cik masuk hutan ya, ada kebun di situ," kata Along yang mesra dipanggil Pak Cik Along. Rutin harinya untuk memungut hasil hutan berhampiran dengan kampung itu.

Ketika itu memang rasa tidak sabar untuk saya dan tiga lagi rakan, Aslah dan Mikhail serta jurukamera, Shahrizan untuk melihat sendiri 'kebun dalam hutan' yang disebut oleh Pak Cik Along.

'Kebun' di sebalik hutan

Seperti kebanyakan 27 keluarga Orang Asli suku kaum Temiar di Kampung Bering, sumber pendapatan utama buat Pak Cik Along adalah memungut hasil hutan, selain berkebun dan menangkap ikan di Sungai Kenong berhampiran dengan kampung itu.

"Moh! (Jom)," ungkap Pak Cik Along.

Udara pagi yang begitu segar serta rimba yang menghijau mengelilingi perkampungan itu bagaikan memberi tenaga baharu kepada kami.

Semakin tidak sabar untuk menjelak kebun yang terletak kira-kira 200 meter dari penempatan mereka itu.

Selepas menyelusuri semak samun dengan menyelak lalang sebelum sampai ke tapak kecil di hadapan sebuah bukit batu kapur, Pak Cik Along berhenti sebentar sambil kepalanya mendongak ke arah lubang yang membentuk sebuah gua kecil dalam bukit itu.

"Itu tempat 'orang besar' (gajah) suka berehat dan menyorok diri, mereka musuh kita dalam kampung ini," katanya sambil menambah, gajah merupakan 'musuh' gangguan utama kerana sering merosakkan harta benda dan tanaman, terutamanya pada waktu malam.

Setelah 30 minit meredah hutan, akhirnya kami tiba di kawasan 'kebun' milik Pak Cik Along yang terletak di seberang sungai kecil. Kami meniti dengan berhati-hati batu-batu yang ada di tengah sungai untuk sampai ke kebun Pak Cik Along.

"Ini pokok herba yang Pak Cik tanam di sini.. selang dua hingga tiga hari saya akan datang menjenguk kebun ini," Pak Cik Along menunjukkan sebuah tapak kecil yang penuh dengan daun-daun dan pokok-pokok kecil yang dilihat masih muda."Dulu masa tak ada pembalakan, kita tidak perlu menanam pokok-pokok dan daun herba ini, boleh sahaja kita bebas petik di mana-mana sahaja, tapi sekarang pembalak dah masuk dalam hutan, kita terpaksa tanam sebab bila-bila masa sahaja boleh hilang.

"Tumbuh-tumbuhan yang kami tanam selalunya mengambil masa dua hingga tiga minggu untuk tumbuh, bergantung kepada kesuburan tanah.. Selalunya saya akan datang tiga kali seminggu untuk bersihkan kebun dan tengok hasil tanaman di kebun ini," katanya sambil mencapai setangkai daun Mansian untuk ditunjukkan kepada kami.



Sungai Kenong, yang menjadi kehidupan masyarakat Orang Asli Temiar di Kampung Bering, Pos Pasik, Gua Musang, dengan berlatarbelakangkan gua batu kapur, tidak ubah seperti sebuah lukisan alam yang indah. - Foto Bernama

"Ini panggil daun Mansian, kami rebus jadi ubat sakit perut dan demam panas," kata Pak Cik Along.

Carian penulis kemudiannya mengenai daun Mansian ataupun dalam bahasa saintifik, *Phyllanthus reticulatus* ini mendapati ia tumbuhan liar dengan buah berwarna ungu kehitaman, kebiasanya tumbuh di sepanjang aliran sungai atau di dalam hutan dengan ketinggian antara 800 hingga 2,000 meter.

Hasil hutan kian pupus

Menurut Pak Cik Along, masyarakat Orang Asli Temiar di kampung itu bergantung hampir 90 peratus daripada sumber hutan untuk kelangsungan hidup mereka.

"Dahulu kami gunakan daun pokok bertam untuk buat atap rumah, tak terlalu panas dan kalis air, tapi sekarang sudah pupus, sudah tiada dalam hutan. Kami terpaksa kutip atap aluminium yang dibuang oleh pembalak."Panas itu panas la sedikit, tapi apatah dayanya? Pembalak sudah kacau kawasan hutan dan tanah adat kita, sudah banyak yang hilang dan pupus.

"Kami terpaksa tanam balik apa yang kita kutip selama ini, itupun kadang-kadang kami khuatir juga 'orang besar' datang kacau sebab pembalak semua sudah teroka hutan di sini," katanya.Riak wajah Pak Cik Along jelas kelihatan kecewa apabila berkongsi cerita tentang sikap para pembalak yang tidak menghormati tanah adat Orang Asli apabila melakukan aktiviti pembalakan berdekatan dengan kawasan penempatan mereka.

"Atuk saya yang lahir sejak zaman peperangan Jepun sudah berpesan kepada kami: Hutan-hutan yang ada di sini memang akan pupus suatu hari nanti disebabkan pembangunan, jadi kami kena tanam balik apa yang kita petik selama ini untuk elakkan daripada terpusus."Di kawasan hutan ini sebenarnya banyak pokok herba yang bermutu, macam kacip fatimah, tongkat ali yang memang berharga dan berkualiti, dulu senang sahaja kami nak masuk dan kutip apabila ada permintaan.

"Malah, upacara adat warisan turun-temurun kami iaitu 'Sewang' adalah wajib untuk mendapatkan daun-daun dari hutan, jika ia sudah pupus, mana kami mahu dapat? Sudah pasti adat warisan kami juga turut akan terjejas," katanya.Upacara Sewang memerlukan bahan semulajadi daripada hutan berhampiran, dan sejak pembalakan bermula di kawasan sekeliling kira-kira 10 tahun lalu, semakin sukar untuk penduduk Kampung Bering mendapatkan bahan keperluan utama.Pertahankan keindahan kampung

Selepas lebih dua jam 'menerokai' kawasan kebun dan hutan bersama Pak Cik Along, kami kembali ke Kampung Bering dan duduk berehat di bangku kayu yang terletak di bawah pokok nangka. Bangku itu tempat 'lepak' buat -penduduk kampung itu.Meskipun cuaca panas terik ketika tengah hari, namun berehat di bawah pokok nangka hasil tanaman penduduk Kampung Bering itu sangat nyaman dan tidak panas dengan sesekali angin bertiup.

Sambil mengunyah jagung bakar hasil daripada #kebunmandiriOA, salah seorang penduduk, Angah Pandak, 67, datang dan duduk bersama kami."Dahulunya, ada orang luar masuk kampung kami dan lihat keindahan kampung ini yang terletak di tepi sungai, ada bukit batu kapur, Mereka tawarkan pampasan untuk kami dan mahu jadikan kawasan ini sebagai ekopelancongan.

"Kami tidak mahu sebarang pembangunan kerana di sinilah tanah adat dan warisan kami turun-temurun, lagipun kampung kami masih belum dicemari dan air sungainya masih lagi jernih disebabkan masih tidak ramai orang luar yang tahu akan kampung kami."Lagipun jika ditawarkan ke kawasan pekan ataupun bandar, kami tidak biasa. Kami sudah biasa berada dekat dengan hutan dan sungai... Jika berpindah pun, kami tidak boleh berpindah sebarang," kata Angah.



Angah berehat seketika selepas menuai hasil tanaman berupa jagung di Kebun Mandiri Orang Asli Kampung Bering kerjasama dengan Persatuan Aktivis Sahabat Alam (KUASA). - Foto Bernama

Seperti mana harapan kebanyakan keluarga di Kampung Bering yang wujud sejak zaman penjajahan British lagi, Angah berharap agar tidak ada pihak yang menjalankan aktiviti pembalakan secara besar-besaran kerana dikhuatiri kawasan penempatan mereka akan tenggelam akibat ketiadaan sumber tadahan air.

"Hutan sudah kian diterokai dan pokok menjadi kawasan tadahan air. Kami tidak mahu kampung seindah ini tenggelam dan kami tidak tahu hendak pindah ke mana jika kawasan ini ditenggelami air," katanya.Kampung Bering merupakan sebahagian daripada Pos Pasik, iaitu kawasan petempatan Orang Asli yang terletak kira-kira 72 kilometer dari pekan Kuala Balah, dikelilingi hutan simpan Gunung Stong Selatan dan Berangkat di bawah jajahan daerah Jeli.Hentikan kelulusan pembalakan secara tebang habisSementara itu,

Pengerusi KUASA, Hafizudin Nasarudin menyeru agar keseluruhan kawasan hutan simpan kekal di Semenanjung Malaysia dapat diwartakan sebagai kawasan sensitif alam sekitar kategori tahap satu dan dua di bawah Rancangan Fizikal Negara."Di bawah kategori ini, tiada sebarang pembangunan boleh diluluskan melainkan aktiviti ekopelancongan terkawal, konservasi, penyelidikan dan pembalakan secara terpilih atau lestari," katanya.

Menurut beliau, jika sekali pun pembalakan ingin dijalankan di dalam kawasan hutan simpan, pihaknya hanya bersetuju dengan pembalakan secara terpilih dan lestari mengikut garis panduan yang ditetapkan dan diluluskan di kawasan yang kurang sensitif."Ketika ini Dasar Perhutanan Negara dan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 (Seksyen 19), pihak berkuasa masih membenarkan aktiviti pembalakan secara tebang habis bagi pengeluaran hasil hutan seperti kayu balak, mineral, tanah galian dan sebagainya.



Hasil tuaian jagung dari Kebun Mandiri Orang Asli yang diusaha sama dengan Persatuan Aktivis Sahabat Alam (KUASA), disokong oleh Yayasan Hasanah dan Program Geran Kecil Global Environmental Facility (GEF). - Foto Bernama

"Sebagai aktivis alam sekitar, kami sememangnya tidak setuju kerana ia akan melenyapkan terus dirian hutan semula jadi yang asal, memusnahkan ekosistem serta mengundang kepada kepupusan spesie akibat kehilangan habitat." Selain itu, ia juga akan mengundang bencana alam, kehilangan sumber kehidupan komuniti Orang Asli, ancaman keselamatan air dan makanan serta ekonomi negara untuk jangka masa panjang," katanya.

### Perjuangan hak Orang Asli

Sementara itu, pengasas Pusat Keprihatinan Orang Asli (COAC), Dr Colin Nicholas berkata, komuniti Orang Asli di Gua Musang kebanyakannya merasakan mereka tiada hak untuk bersuara terutamanya dalam isu pembangunan melibatkan tanah adat mereka.

"Sebagai contoh, sekiranya terdapat sebarang pembangunan atau penebangan hutan secara besar-besaran oleh tauke balak, mereka tidak meminta izin ataupun mengadakan perbincangan secara bersemuka terlebih dahulu, sebaliknya menawarkan terus pampasan kepada orang yang terlibat jika ada pencerobohan kawasan mereka." Di sifitulah masyarakat Orang Asli berasa tidak puas hati... Mereka berasa suara dan

hak mereka ditindas dan tidak boleh menyuarakan pandangan mereka kepada pihak berkuasa kerana mereka sebenarnya mahu mempertahankan adat dan warisan turun-temurun mereka di tanah yang didiami lebih 100 tahun.

"Sebarang projek perlu ada Laporan Penilaian Impak Alam Sekeliling (EIA) dan Laporan Kesan Impak Sosial (SIA) yang melibatkan persetujuan dan dialog bersama penduduk, namun Orang Asli di kawasan itu mendakwa EIA dan SIA tidak dibuat mengikut SOP (prosedur operasi standard)," katanya.

Menurut beliau, meskipun masyarakat orang asli hidup secara berpindah randah mengikut adat dan tradisi, namun mereka hanya bergerak dalam wilayah mereka tersendiri dan tertentu sahaja."Di Gua Musang misalnya, terdapat 17 wilayah dan kampung di bawah Jaringan Kampung Orang Asli Kelantan, antaranya Wilayah Balar, Bihai, Belatim, Pasik, Kuala Wias, Pulat dan Hau.

"Jika Orang Asli Kampung Bering perlu berpindah keluar daripada kawasan asal mereka, mereka hanya boleh bergerak dalam lingkungan Wilayah Pasik mengikut adat istiadat mereka," katanya.

– Bernama Sinar Harian